

Teks ucapan
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
YB DATO' SRI FADILLAH HAJI YUSOF

Bersempena:
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA (MoC)
BERKENAAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN PENCEGAHAN
RASUAH DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)
KOMPLEKS KERJA RAYA
KUALA LUMPUR

Terima kasih saudara pengacara majlis

YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh

Presiden
Institut Integriti Malaysia
YBhg. Dato' Ir. Annies Bin Md. Ariff
Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Ismail Bin Md. Salleh
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Rakan-rakan kerjasama MoC, para-penggiat industri binaan, rakan-rakan media,

YBhg Dato'–Dato', Datin–Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) kerana bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam menganjurkan majlis ini. Sesungguhnya majlis ini adalah satu usaha bersama untuk memastikan industri pembinaan negara yang bebas rasuah dan beroperasi dengan tadbir urus yang baik serta integriti yang tinggi di dalam dan luar negara. Majlis menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) antara Kerajaan Malaysia dengan Persatuan-persatuan Industri Pembinaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) ini merupakan yang julung kali diadakan di negara ini.

Tuan- tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Di bawah kepimpinan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Kerajaan telah memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) khusus untuk pencegahan rasuah. NKRA Membanteras Rasuah komited untuk mempertahankan prinsip kesaksamaan dan keadilan di Malaysia dan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk mengadakan mahkamah khas bagi membicarakan kes rasuah.

3. Usaha serius Kerajaan ini telah diiktiraf melalui Laporan Daya Saing Global 2014-2015, yang menyenaraikan kedudukan Malaysia meningkat ke tangga 20 berbanding di tangga ke-24 pada tahun sebelumnya. Laporan tersebut turut mengiktiraf bahawa Malaysia secara relatif berjaya dalam usaha memerangi soal rasuah dan birokrasi. Pengiktirafan antarabangsa turut diterima Malaysia melalui penilaian Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Berkenaan Dadah dan Jenayah yang mengiktiraf kejayaan dan amalan baik negara dalam menangani isu rasuah.

Tuan- tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Menyedari akan kepentingan pencegahan rasuah dan kepentingan integriti dalam organisasi, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengambil inisiatif dengan menjalin kerjasama melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ke Arah Pembanterasan Rasuah dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Julai 2013 yang lalu. Program tersebut telah menyemai perspektif baharu di kalangan orang awam terhadap ketegasan dan ketelusan KKR dalam usaha memerangi rasuah di

kalangan penjawat awam dan pemimpin Kementerian. Dalam hal ini, suka saya nyatakan bahawa warga Kerja Raya tidak akan berkompromi terhadap kakitangan yang didapati mengamalkan rasuah dan akan terus memerangi rasuah dalam organisasi ini.

5. Dalam usaha meningkatkan pembudayaan Integriti pula, di peringkat Kementerian telah ditubuhkan Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti (PTPI) 2014-2015 Kementerian Kerja Raya (KKR). Pelan yang dirangka ini merupakan garis panduan bagi melahirkan modal insan yang mempunyai integriti yang tinggi sama ada dalam pelaksanaan tugas harian mahupun sebagai rakyat Malaysia selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”.

Tuan- tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Seperti kita semua sedia maklum, Sektor Industri Binaan negara merupakan antara industri terpenting yang memberi kesan positif terhadap ekonomi negara. Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh kerajaan dari semasa ke semasa bagi terus memacu pertumbuhan di

dalam sektor pembinaan. Pada tahun 2013, sektor pembinaan telah berkembang pada tahap 10.9 % dengan jumlah nilai projek-projek pembinaan sebanyak RM124 bilion. Daripada jumlah ini 30% atau RM38 bilion adalah projek-projek kediaman, 41% atau RM51 bilion adalah projek-projek bukan kediaman, 8% atau RM9 bilion merupakan projek kemudahan sosial dan 21% atau RM26 bilion merupakan projek-projek infrastruktur. Setakat September 2014, jumlah nilai projek yang telah direkodkan adalah sebanyak RM69 bilion. Daripada RM69 bilion ini, 39 peratus atau RM27 bilion nilai projek untuk bukan kediaman, 33 peratus (RM23 bilion) untuk kediaman, diikuti 22 peratus (RM15 bilion untuk infrastruktur dan 6 peratus RM4 bilion) untuk kemudahan sosial.

7. Permintaan ke atas perkhidmatan pembinaan dijangkakan kekal rancak pada tahun ini dengan pertumbuhan setakat pertengahan pertama sebanyak 14.3%. Kementerian juga menjangkakan pertumbuhan tahun ini dan pada tahun 2015 akan kekal mencapai angka dua digit berdasarkan projek-projek pembinaan yang telah diumumkan di dalam Bajet 2015. Namun begitu, peranan para pemain industri binaan akan lebih bermakna jika ia disandarkan

dengan tahap integriti yang tinggi serta kesedaran dalam membanteras gejala rasuah. Langkah pertama bagi menjayakan hasrat ini ialah dengan menentukan setiap organisasi dalam industri pembinaan diterajui oleh individu yang mempunyai tahap integriti yang tinggi. Faktor utama lain adalah keperluan untuk mewujudkan ketelusan (*transparency*) dan akauntibiliti di dalam proses kerja. Para penggiat industri pembinaan haruslah bertanggungjawab terhadap sebarang pelaksanaan dan keputusan yang telah dibuat bagi menjamin tiada sebarang ruang untuk berlakunya kegiatan rasuah.

8. Justeru, penganjuran Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) ini diadakan tepat pada masanya dan saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pada hari ini, saya amat gembira dan berbesar hati atas komitmen oleh lapan persatuan industri binaan untuk bersama-sama memeterai MoC ini. Kelapan-lapan persatuan tersebut adalah *Master Builders Association* Malaysia (MBAM), *Real Estate and Housing Developers' Association* Malaysia (REHDA), *Association of Consulting Engineers* Malaysia (ACEM), *Malaysian Institute of Architects* (PAM), *The Institution of Engineers* Malaysia (IEM), *Royal*

Institution of Surveyors Malaysia (RISM), Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Persatuan Kontraktor India Malaysia (PKIM).

9. Saya percaya, kerjasama ini akan dapat dipertingkatkan di masa akan datang dengan memperluaskan dan melibatkan lebih banyak persatuan industri pembinaan negara kerana impak daripada MoC ini mampu menghasilkan penjimatan dari segi masa dan kewangan bagi projek-projek infrastruktur Kerajaan secara tidak langsung pada masa hadapan.

10. Saya dimaklumkan juga, antara hasil daripada MoC pada hari ini adalah Penubuhan Jawatankuasa Kerjasama Induk (JKI) yang akan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kerja Raya dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian masalah diperingkat kabinet. Selain itu, hasil lain adalah penubuhan Jawatankuasa Kerjasama Pelaksana (JKP) yang akan bermesyuarat tiga (3) kali setahun dan dipengerusikan bersama oleh Ketua Eksekutif CIDB dan Presiden IIM.

11. Dengan menandatangani MoC ini, adalah digalakkan persatuan-persatuan Industri Pembinaan turut menubuhkan Unit Integriti mereka dan mendapatkan kerjasama serta khidmat nasihat dari pihak CIDB dan IIM untuk tujuan tersebut. Persatuan dan ahli-ahli juga digalakkan untuk menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*Coporate Integrity Pledge*) sebagai tanda kesediaan mereka untuk bersama-sama merealisasikan hasrat murni ini.

12. Saya yakin usahasama yang kita jalinkan hari ini akan mampu mempertingkatkan kualiti Industri Pembinaan Negara dan menjadikan masyarakat binaan sebagai masyarakat yang berintegriti demi mendokong kepercayaan umum bahawa industri binaan negara bebas daripada rasuah dan beroperasi dengan tadbir urus yang baik serta integriti yang tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), CIDB Malaysia**

dan **persatuan industri pembinaan** yang telah berjaya merealisasikan perjanjian kerjasama ini dan seterusnya membuka peluang kerjasama yang lebih erat di masa hadapan.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.